

PM: Jangan harap projek kerajaan saja

UM 27 MAR 1985

PETALING JAYA 26 Mac - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan usahawan-usahawan bumiputera supaya jangan hanya bergantung pada kontrak kerajaan dan kedudukan mereka sebagai bumiputera untuk mencapai kejayaan.

Sebaliknya, tegas beliau, mereka hendaklah memajukan perusahaan masing-masing dengan menggunakan segala keupayaan dan kebolehan yang mereka miliki.

Perdana Menteri berkata, kejayaan sesebuah syarikat itu mestilah diasaskan pada kebolehan dan kecakapan perkhidmatan serta mutu keluarannya dan bukannya bergantung pada hubungannya dengan kerajaan atau mana-mana pihak tertentu.

"Saya juga berharap pihak-pihak yang lain tidak berasa iri hati di atas kejayaan mana-mana syarikat atau profesional bumiputera dengan menimbulkan alasan-alasan tertentu," katanya.

Berucap merasmikan pembukaan sebuah syarikat telekomunikasi bumiputera, Rimma International Sdn. Bhd. di sini petang ini, beliau menyeru semua syarikat yang ditubuhkan di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) supaya mengikis anggapan bahawa mereka sebuah syarikat bumiputera sebaliknya mengiktiraf syarikat masing-masing sebagai syarikat Malaysia.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, syarikat-syarikat atau kontraktor-kontraktor bumiputera hendaklah memajukan dan melengkap diri masing-

masing dengan segala kepakaran untuk bersaing dengan syarikat-syarikat asing kerana kontrak dari kerajaan tidak akan kekal selama-lamanya.

Berani bersaing

"Mereka hendaklah berani bersaing dengan bangsa asing dan saya percaya para pelanggan tidak akan mengambil kira sama ada kita bumiputera atau tidak dalam membuat sebarang urusaniaga.

"Apa yang penting ialah syarikat atau peniaga itu mampu memenuhi kehendaki pelanggan atau rakan niaganya dengan cara memberi perkhidmatan yang berkesan sama ada di dalam atau di luar negeri," ujarnya.

Beliau berharap syarikat-syarikat bumiputera yang ada dapat menjalankan perniagaan mereka dengan cekap kerana kejayaan seseorang peniaga itu di dalam sebuah masyarakat peniaga bergantung pada kebolehan mereka, bukannya hubungan dengan kerajaan.

Berhubung dengan industri telekomunikasi di negara ini, beliau berkata, hubungan telekomunikasi yang moden dan lengkap sangat diperlukan untuk memastikan kejayaan rancangan-rancangan pembangunan.

Selaras dengan itu, katanya kerajaan telah membelanjakan ribuan juta ringgit untuk memajukan teknologi tersebut dan empat projek "turnkey" untuk memasang kabel telekomunikasi di seluruh negara telah diberikan kepada empat buah syarikat telekomunikasi bumiputera.

Mengenai keempat-empat syarikat itu yang salah satu daripadanya ialah Syarikat Rimma International Sdn. Bhd, beliau berharap mereka dapat menjalankan kontrak yang diberikan kepada mereka dengan cekap dan berkesan.